



PELAN TINDAKAN STRATEGIK
DASAR
KETERANGKUMAN GENDER
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
2021 - 2030





MPSP

PELAN TINDAKAN STRATEGIK
DASAR
KETERANGKUMAN GENDER
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
2021 - 2030



ISI KANDUNGAN

Pengenalan	M/S 02
Rasional	M/S 03
Pernyataan DKG	M/S 04
Prinsip KG	M/S 05
Teras Strategi DKG	M/S 06
Strategi Pelaksanaan	M/S 07

PENGENALAN

Istilah 'Keterangkuman' membawa maksud penerimaan dan penghormatan terhadap kepelbagaian keperluan individu dalam sesebuah komuniti dan ianya terjamin, saksama dan seimbang. Oleh itu, 'Keterangkuman Gender' (KG) merupakan suatu persekitaran yang menerima, menghormati serta memahami perbezaan terhadap keperluan dan juga hak kesamarataan bagi wanita dan lelaki. KG adalah pendorong untuk mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial agar hak-hak asasi dapat dinikmati oleh rakyat dari pelbagai gender, etnik dan juga latar belakang.

Portfolio KG diwujudkan pada Mei 2018 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha mengintegrasikan nilai KG ke dalam dasar, program dan amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar Keterangkuman Gender (DKG) telah dirangka bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar ini akan dilaksanakan selaras dengan visi Penang 2030.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah awal pelaksanaan KG melalui Gender Responsive & Participatory Budgeting (GRPB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. GRPB merupakan suatu pendekatan atau metodologi yang mesra gender dan memastikan sumber-sumber yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri dapat menjamin keseimbangan sosial dan ekonomi untuk rakyat. Pendekatan ini boleh menjadi salah satu asas dalam mencapai visi Penang 2030 untuk menggalakkan penyertaan awam bagi projek serta program yang dijalankan oleh kerajaan negeri.

GRPB berjaya menghubungkan masyarakat dengan kerajaan negeri. Di samping itu, ianya memperkasakan rakyat untuk menjadi rakan kongsi yang celik dalam menyuarakan hak dan keperluan mereka. Pada masa yang sama, mereka menggalas tanggungjawab bagi menjaga persekitaran tempat tinggal mereka serta kemudahan awam yang telah disediakan. Justeru itu, KG, sebagai struktur sokongan GRPB, akan dapat mempercepatkan proses dalam merealisasikan visi Penang 2030.



Penggubalan DKG akan membolehkan langkah-langkah yang lebih komprehensif dan sistematik dapat ditumpukan kepada:

1 Mencapai kesaksamaan gender dengan mengenalpasti keperluan, keutamaan dan kepentingan wanita, lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.



2 Merangsang pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui kesaksamaan gender

3 Menuju ke arah merealisasikan Hak Asasi Manusia dengan pelaksanaan DKG yang mempunyai hubungan langsung antara penguatkuasaan hak asasi manusia dan hubungan gender

4 Mencapai tadbir urus yang baik dengan penglibatan yang sama rata oleh wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki secara aktif

5 Meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan dasar-dasar dengan memperolehi maklumat yang lebih tepat berkenaan pengagihan sumber antara lelaki dan perempuan dan impak ke atas perbelanjaan awam dan dasar-dasar



RASIONAL

Pernyataan Dasar

Satu dasar untuk memastikan akses secara inklusif kepada perancangan program, pelaksanaan dan penyediaan kemudahan-kemudahan untuk mencapai kesaksamaan gender. Kerajaan Negeri komited untuk mengamalkan prinsip keterangkuman gender dan menggunakan GRPB dalam semua aspek tadbir urus, termasuk perancangan program, rekabentuk, pelaksanaan, pemantauan dan proses penilaian oleh jabatan dan agensi kerajaan negeri. DKG akan berperanan sebagai asas dalam memacu Pulau Pinang ke arah mencapai Penang 2030.

Matlamat Dasar

DKG bertujuan untuk:

- a) Menyediakan kerangka yang jelas dan konsisten bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan semua wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki mempunyai peluang yang sama untuk melibatkan diri, menyumbang dan mendapat manfaat daripada projek-projek dan program-program Kerajaan Negeri.
- b) Memastikan KG diintegrasikan dalam dasar-dasar, *Standard Operating Procedure* (SOP) dan *Key Performance Index* (KPI) jabatan/agensi kerajaan negeri dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan kajian semula projek.
- c) Memperkasakan komuniti untuk meningkatkan penglibatan sivik dalam perancangan dan pelaksanaan program-program dan projek-projek yang memenuhi keperluan mereka tanpa mengira gender.

DKG mengiktiraf bahawa wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki adalah sama rata dan setiap individu perlu diberikan peluang optimum untuk merealisasikan potensi mereka. Dasar ini digubal berdasarkan kepada :

Artikel 8, Perlembagaan Persekutuan:

“Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan...”

Sustainable Development Goals (SDG)

Persidangan Kemuncak Ke-70 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 25 September 2015 telah bersetuju menerima pakai 17 Matlamat Pembangunan Lestari *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang mana dua (2) matlamat yang digariskan menekankan kepada kesamarataan gender (matlamat 5) dan mengurangkan ketidaksamarataan (matlamat 10).

Definisi Kesaksamaan Gender berdasarkan United Nations International Children Emergency's Fund (UNICEF)

"membawa maksud wanita dan lelaki, serta kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki, menikmati hak, sumber, peluang dan perlindungan yang sama. Ia tidak mewajibkan lelaki, atau wanita, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki, menjadi sama, atau mereka dilayan serupa.."

Definisi Kesaksamaan Gender berdasarkan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)

"Kesamarataan gender dan pemerksaan wanita, serta penyertaan aktif wanita dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya harus dipromosikan. Bagi wanita untuk menikmati hak asasi manusia sepenuhnya, perspektif gender perlulah di arus perdanakan ke dalam semua perancangan dasar sesebuah bandar."

Penang2030

DKG juga menepati Penang2030, yang berusaha memperkasakan rakyat Pulau Pinang dengan meningkatkan penyertaan rakyat.

Dasar ini juga mengambil kira hak-hak wanita dan kesaksamaan gender yang terkandung dalam **Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW))** dan **Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing 1995 (Beijing Declaration and Platform of Action)**.

Meningkatkan komitmen dan penglibatan semua pihak yang berkaitan untuk mengutamakan perspektif gender dalam pembuatan keputusan, program pembangunan dan pengagihan bajet

Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di Pulau Pinang menekankan kepentingan gender

Menyedia dan memastikan program dan perkhidmatan kerajaan negeri dapat diakses oleh semua tanpa mengira gender, umur, etnik dan latar belakang



01

STRATEGI PERTAMA

Latihan dan Pendidikan Secara Berterusan Bagi Keterangkuman Gender

Menyediakan latihan bagi semua jabatan dan agensi kerajaan negeri dari masa ke semasa untuk memastikan semua anggota memiliki ilmu dan kemahiran yang relevan berkenaan dengan konsep KG.

STRATEGI KEDUA

Pengumpulan Sex-Disaggregated Data (SDD)

SDD perlu dikumpul secara sistematik dan dianalisa untuk melihat impak terhadap dasar sedia ada. SDD merupakan data yang menunjukkan perbezaan keadaan wanita dan lelaki, serta kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki.

02

03

STRATEGI KETIGA

Memastikan keseimbangan gender di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri

Memastikan peluang yang sama diberikan kepada semua lelaki dan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan di Negeri Pulau Pinang mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan.



STRATEGI KEEMPAT

**Pelaksanaan
GRPB
sepenuhnya di
peringkat
Kerajaan Negeri**

DKG akan memastikan pelaksanaan GRPB secara sepenuhnya dan sistematik di semua jabatan dan agensi kerajaan negeri di Pulau Pinang.

04

STRATEGI KELIMA

**Konsultasi dan
Rakan Kongsi
Strategik dengan
pelbagai Agensi
Kerajaan, Sektor
Swasta,
Pertubuhan
Bukan Kerajaan,
Institusi Pengajian
Tinggi dan
Komuniti**

Untuk mendapatkan komitmen dari pihak awam dan sektor swasta dalam melaksanakan program-program yang berteraskan KG, maka kerjasama antara semua pihak yang terlibat amat diperlukan.


05

STRATEGI KEENAM

**Pemantauan
dan
Penilaian**

Melalui strategi ini, maklum balas dan keberkesanan program hasil daripada pemantauan dan penilaian pelaksanaan dasar ini dapat dikumpul dan digunakan sebagai input penambahbaikan perancangan program dan pembentukan dasar masa hadapan.

06




PELAN TINDAKAN STRATEGIK DASAR KETERANGKUMAN GENDER MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)


Matlamat 1: Menyediakan kerangka yang jelas dan konsisten bagi MBSP untuk memastikan semua wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki mempunyai peluang yang sama untuk melibatkan diri, menyumbang dan mendapat manfaat daripada projek-projek dan program-program MBSP.

Teras Strategi 1: Meningkatkan komitmen dan penglibatan semua pihak yang berkaitan untuk mengutamakan perspektif gender dalam pembuatan keputusan, program pembangunan dan pengagihan bajet;

Strategi Pelaksanaan	Program/Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	KPI	PIC
1.0. Latihan dan Pendidikan Secara Berterusan Bagi Keterangkuman Gender	1.1. Taklimat Kesedaran Keterangkuman Gender untuk semua kakitangan MBSP	2021-2030	100% kakitangan MBSP telah menghadiri bengkel sebelum tahun 2030	Jabatan Khidmat Pengurusan
	1.2. Bengkel Kemahiran Teknikal Pengarusperdana Gender (<i>Gender Mainstreaming</i>)	2021-2030	Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan B telah menghadiri bengkel sebelum tahun 2030	Jabatan Khidmat Pengurusan
	1.2.1. Bengkel Sex Disaggregated Data (SDD)			
	1.2.2. Bengkel Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRP)			
1.2.3. Bengkel Gender Balanced Management (GBM)				




Strategi Pelaksanaan	Program/Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	KPI	PIC
2.0 Pengumpulan Data Pecahan Jantina/ Sex- Disaggregated Data (SDD)	2.1. Pengumpulan dan Analisis SDD semua kakitangan di MBSP	2021-2030	Dibentangkan dalam Jawatankuasa Gender sekurang-kurangnya 2 kali setahun	Jabatan Khidmat Pengurusan
	2.2. Pengumpulan SDD bagi pelanggan dan peserta program/projek MBSP	2021-2030	SDD bagi pelanggan dan peserta dikumpulkan untuk setiap projek/program MBSP dijalankan bermula dari tahun 2021 sehingga 2030	Semua Jabatan
	2.3. Analisa SDD pelanggan dan peserta program/projek MBSP	2021-2030	Analisis SDD pelanggan dan peserta projek/program MBSP dihasilkan setiap akhir tahun bermula dari tahun 2021 sehingga 2030	Semua Jabatan





Strategi Pelaksanaan	Program/Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	KPI	PIC
3.0 Memastikan keseimbangan gender di MBSP	3.1. Pengenalpastian jurang gender di aspek jawatan dan peluang penyertaan di MBSP	2021-2030	MBSP telah mencapai nisbah 40:40:20 bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan B dan Kumpulan Sokongan C	Jabatan Khidmat Pengurusan
	3.2. Penglibatan ahli jawatankuasa spesifikasi bagi tender	2021-2030	Keahlian mengikut dasar 40:40:20	Jabatan Khidmat Pengurusan
4.0 Pemantauan atau Penilaian	4.1. Pemantauan projek-projek GRPB melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tender	2021-2030	Sekurang-kurangnya 2 kali setahun	Jabatan Perbendaharaan
	4.2. Membuat penilaian terhadap pelaksanaan projek GRPB		Sekurang-kurangnya 1 projek setahun	





Matlamat 2: Memastikan KG diintegrasikan dalam dasar-dasar, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan *Key Performance Index (KPI)* MBSP dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan kajian semula projek.

Teras Strategi 2: Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di Pulau Pinang menekankan kepentingan gender

Strategi Pelaksanaan	Program/Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	KPI	PIC
1.0 Memastikan Kesimbangan Gender Di MBSP	1.1. Pengamalan dasar-dasar berkenaan dengan konsep keterangkuman gender yang sedia ada di MBSP (eg. Garis Panduan Rekabentuk dan Piawai Spesifikasi Untuk Bangunan) oleh semua jabatan / bahagian / unit MBSP	2021-2030	MBSP mengamalkan dasar-dasar yang berkenaan dengan konsep keterangkuman gender secara berterusan sepanjang tahun 2021-2030.	Semua Jabatan
2.0 Pelaksanaan GRPB sepenuhnya di peringkat MBSP	2.1. Penggunaan Senarai Semak GRPB untuk projek/program infrastruktur dan kemudahan awam MBSP yang melebihi RM500,000.00	2021-2030	Senarai projek/program di bentangkan 2 kali setahun	Jabatan Kejuruteraan



Matlamat 3: Memperkasakan komuniti untuk meningkatkan penglibatan sivik dalam perancangan dan pelaksanaan program-program dan projek-projek yang memenuhi keperluan mereka tanpa mengira gender.

Teras Strategi 3: Menyedia dan memastikan program dan perkhidmatan kerajaan negeri dapat diakses oleh semua tanpa mengira gender, umur, etnik dan latar belakang.

Strategi Pelaksanaan	Program/Aktiviti	Tempoh Pelaksanaan	KPI	PIC
1.0 Pelaksanaan GRPB sepenuhnya di peringkat MBSP	1.1 Analisis keperluan seperti soal selidik, Kumpulan Tumpu Bincang, Townhall meetings dilaksanakan untuk program/projek MBSP	2021-2030	Sekurang-kurangnya 2 projek setahun	Semua Jabatan
2.0 Konsultasi dan Rakan Kongsi Strategik dengan pelbagai Agensi Kerajaan, Sektor Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Komuniti	2.1. Sesi pengkongsian dengan agensi lain	2021-2030	Sekurang-kurangnya satu sesi pengkongsian setahun	Jabatan Khidmat Pengurusan

Jabatan / Bahagian / Unit MBSP yang terlibat dalam pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender:

1. Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Jabatan Undang-undang
3. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
4. Jabatan Kejuruteraan
5. Jabatan Bangunan
6. Jabatan Perancang Bandar
7. Jabatan Perbendaharaan
8. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Jabatan Pelesenan
10. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
11. Direktorat Penguatkuasaan
12. Jabatan Pesuruhjaya Bangunan
13. Jabatan Kemasyarakatan
14. Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa
15. Jabatan Landskap
16. Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi
17. Jabatan Pengurusan Krisis
18. Jabatan Pelancongan Seni dan Warisan
19. Bahagian Keselamatan & Komuniti
20. Unit OSC
21. Unit Audit Dalam
22. Unit Butterworth Baru



Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang



04 - 549 7555



04 - 538 9700



www.mbsp.gov.my



SEBERANG PERAI ASPIRASI BANDAR MASA HADAPAN
'SEBERANG PERAI ASPIRING CITY OF TOMORROW'